

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 8 TAHUN 1976

DASAR MENGENAI PINDAHMILIK TANAH KEPADA ORANG-ORANG BUKAN MELAYU

Adalah dimaklumkan bahawa M.M.K yang bersidang pada 12.6.1976 telah mengkaji Kertas Bil. 10/362/76 (6) berkenaan dengan masalah pindahmilik tanah dalam Rezab Melayu di antara orang-orang bukan Melayu dan setelah membuat pertimbangan dari semua aspek telah bersetuju membuat dasar seperti berikut :-

- a) Pindahmilik kepada orang-orang bukan Melayu anak Kelantan boleh diberi pertimbangan dengan syarat penerima setuju ditukarkan hakmilik kepada Pajakan tidak lebih dari 99 tahun;
- b) Pindahmilik kepada orang-orang bukan Melayu yang bukan anak Kelantan boleh diberi pertimbangan dengan syarat penerima bersetuju ditukarkan hakmilik kepada Pajakan tidak lebih dari 66 tahun.
- c) Pindahmilik kepada syarikat-syarikat atau badan-badan yang bukan Melayu dan bukan peranakan Kelantan boleh diberi pertimbangan dengan syarat penerima bersetuju ditukar hakmilik kepada Pajakan tidak lebih dari 33 tahun;
- d) Pindahmilik dari bapa/ibu kepada anak/cucu atau sebaliknya bolehlah ditimbangkan dengan tidak ada perubahan jenis hakmilik.

- e) Pindahmilik dari orang Melayu kepada orang-orang bukan Melayu tidak patut dipertimbangkan, tetapi dalam satu-satu projek yang tertentu anjuran Kerajaan atau Badan-badan Kerajaan di mana difikirkan perlu atau penting pihak Kerajaan berbuat demikian atas sebab-sebab yang tertentu, maka bolehlah Kerajaan (M.M.K) memberi pertimbangan khusus dalam kes yang seumpama ini.

2. Bagi tanah-tanah di luar Kawasan Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu, pindahmilik dari orang-orang yang bukan anak Kelantan kepada orang yang bukan anak Kelantan tidak ada tegahannya, tetapi bagi pindahmilik tanah kepunyaan Anak Kelantan kepada orang yang bukan anak Kelantan memerlukan kelulusan M.M.K di bawah Bab 104 Undang-undang Tanah Kelantan Tahun 1938. M.M.K dalam mesyuarat yang sama telah bersetuju membuat dasar seperti berikut :-

- a) Pindahmilik tanah kepunyaan anak Kelantan kepada seorang yang bukan anak Kelantan boleh diberi pertimbangan dengan syarat penerima bersetuju ditukarkan jenis hakmiliknya kepada pajakan tidak lebih dari 99 tahun.
- b) Pindahmilik dari bapa atau ibu kepada anak atau cucu atau sebaliknya bolehlah dipertimbangkan dengan tidak ada perubahan jenis hakmilik.

3. Dasar Pindahmilik bagaimana perenggan 6 dalam Kertas Lampiran kepada Pengedaran PTG. Bil 4/1971 dengan ini adalah dibatalkan.

4. Supaya selaras dengan dasar Kerajaan bagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 dan 2 di atas PHT adalah dinasihatkan supaya semasa menyediakan Kertas M.M.K berkenaan dengan pindahmilik tanah di antara orang-orang yang bukan Melayu, memasukkan pengesyoran bagaimana dalam Lampiran 'A' yang berkembar.

5. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG. Bil 4/1976 berkenaan dengan 'Harga Tanah Yang Dimajukan' untuk menentukan jumlah bayaran harga tanah di perenggan 4(c)(iii) dalam Lampiran 'A' yang berkembar.

t.t
(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

KEPADA:

Semua PHT dan Penolong PHT Kelantan.

SALINAN KEPADA:

YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.

YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Semua Pegawai-pegawai Jajahan, Kelantan.

Juru Odit Kelantan.

Pengarah Ukur Negeri Kelantan

Pegawai Tadbir, L.K.T.N Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU.**

PTG. KN 88/60 SJ.1/(30)

BERTARIKH: 30HB JUN 1976

JENIS: MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN

FAIL: KERTAS BIL:

**PERMOHONAN UNTUK MENDAPAT KEBENARAN DI BAWAH
BAB 13 (A) UNDANG-UNDANG SIMPANAN TANAH BAGI
ANAK-ANAK MELAYU TAHUN 1930/BAB 104 UNDANG-UNDANG
TANAH KELANTAN TAHUN 1938**

.....
..... (Pendahuluan dan latar belakang serta kenyataan
..... tanah yang hendak dipindahmilik)
.....
.....

2.
..... (Kenyataan dan latar belakang tuan tanah
..... yang berkenaan)
.....
.....

3.
..... (Kenyataan dan latar belakang bakal penerima
..... pindahmilik tanah yang berkenaan)
.....
.....

4. Pemungut Hasil Tanah mengesyorkan cara dan syarat-syarat pemberian milik itu adalah seperti berikut :-

(a) Tuanpunya tanah iaitu
menyerah balik tanah

kepada Kerajaan Negeri ;

(b) Bakal penerima pindahmilik iaitu
K/P: memohon milik tanah di atas dengan
menggunakan Borang Jadual 1 di bawah Peraturan Tanah
Kelantan, 1966 ;

(c) Kemudian daripada itu tanah Lot seluas
..... diberi milk kepada dengan
diberi kebenaran di bawah Bab 13(A)(i)(a) Undang-undang
Simpanan Tanah Bagi Anak-Anak Melayu Tahun 1930 dan Bab
9 Undang-Undang Tanah Kelantan Tahun 1938 dengan terkena
kepada syarat-syarat bagaimana berikut :-

- (i) Jenis Hakmilik : Pajakan Negeri/Pajakan Mukim
- (ii) Tempoh Pajakan :
- (iii) Harga Tanah : Mengikut kadar yang ditetapkan di dalam Pek.PTG.Kn.Bil. 4/1976
- (iv) Jenis Kegunaan Tanah : BANGUNAN/PERTANIAN
- (v) Hasil Tahunan :
.....
.....
.....
- (vi) Lain-lain Bayaran Pejabat : Mengikut kadar yang terjadual di Bawah Peraturan Tanah 1966.
- (vii) Upah Ukur : Mengikut kadar yang terjadual di bawah L.N. 486/65
- (viii) Syarat Nyata :

*Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk mendirikan bangunan mengikut pelan dan jenis yang diluluskan oleh

.....

*Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini bolehlah digunakan untuk ditanam dengan pokok-pokok getah yang diluluskan oleh Pengarah Pertanian Negeri daripada jenis *Hayea Braziliensis* atau lain-lain jenis yang boleh mengeluarkan susu yang banyak

*(yang berkenaan mengikut Jenis Kegunaan)

4. Pengarah Tanah dan Galian Kelantan menyokong pengesyoran Pemungut Hasil Tanah bagaimana di perenggan di atas.

5. Majlis adalah diminta menimbangankan dan membuat keputusan sama ada pengesyoran di perenggan di atas diluluskan atau tidak.